



## MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

### KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Majlis Bandaraya Kuantan untuk mengemukakan tawaran buat masa ini bagi bekalan berikut.

BIL	TAJUK SEBUTHARGA	HARGA DOKUMEN	LESEN	TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH SEBUTHARGA
1	Membekal Dan Menghantar Pelbagai Jenis Kertas Kepada Majlis Bandaraya Kuantan Bagi Tahun 2024 Dan 2025. <b>(MBK/W/SH:07/2024)</b>	<b>RM 30.00</b> Bayaran tunai/ kiriman wang/ bank draf (daripada Bank Tempatan Berlesen)	Kementerian Kewangan Malaysia  Kod Bidang – <b>010201</b>	Kaunter Berpusat Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Kuantan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan	<b>Mula dijual : 19 Januari 2024 (Jumaat)</b>  <b>Tarikh tutup : 30 Januari 2024 jam 12.00 tengahari (Selasa)</b>

1. Dokumen tawaran boleh dibeli pada waktu pejabat sahaja mulai **19 Januari 2024 (Jumaat)** di kaunter berpusat **Ibu Pejabat, Majlis Bandaraya Kuantan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur.**
2. Syarikat yang berminat hendaklah mengemukakan **Sijil Pendaftaran Pembekal Majlis Bandaraya Kuantan, Sijil Kementerian Kewangan dan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** semasa pembelian dokumen sebutharga. Semua penama pada sijil-sijil syarikat akan melalui proses semakan tunggakan (i-clean) terlebih dahulu sebelum membeli dokumen sebutharga.
3. Dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan bertulis di sudut kiri atas, tajuk sebutharga dan dikembalikan kepada:-

**Datuk Bandar Kuantan, Majlis Bandaraya Kuantan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur** sebelum tarikh tutup tawaran iaitu tepat jam **12.00 tengahari** pada atau sebelum **30 Januari 2024 (Selasa)**

4. Pihak MBK tidak terikat untuk menerima tawaran serta tidak bertanggungjawab di atas apa juga perbelanjaan yang ditanggung oleh penyebutharga untuk mengemukakan tawaran ini. Sebarang pertanyaan, sila hubungi **Bahagian Belanjawan dan Perolehan, Jabatan Perbendaharaan, Majlis Bandaraya Kuantan** di talian : **09-5121555 / 09-5121666 samb. 7606.**